



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Dius Api Persekutuan (Pindaan) 1953

DR.23/1984

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Dius Api Persekutuan 1953.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Dius Api Persekutuan (Pindaan) 1984 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 2 Akta Dius Api Persekutuan 1953, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas tafsiran "Malaysia Barat" tafsiran berikut:

Pindaan seksyen 2. Akta 250.

"“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab mengenai perkapalan perdagangan”.

3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “menurut skel yang dinyatakan dalam Jadual” dengan perkataan-perkataan “sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini”.

Pindaan seksyen 3.

4. Subseksyen (1) seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 7.

(a) dengan memasukkan selepas perkataan “menetapkan” perkataan-perkataan “kadar-kadar dius yang akan dipungut dan”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perkataan “dius” perkataan “tersebut”.

Seksyen 10
dipotong.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 10.

Jadual
dipotong.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong Jadual.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Dius Api Persekutuan 1953. Akta ini bertujuan mentakrif perkataan "Menteri" yang terdapat di dalam Akta dan memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan melalui peraturan kadar-kadar dius Api yang akan dipungut. Buat masa ini, kadar-kadar dius Api ada ditetapkan di dalam Jadual kepada Akta. Rang Undang-Undang ini bertujuan memotong Jadual ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1269.]